



## **ISLAMIC RELIEF MALAYSIA SASAR AGIHAN DAGING KORBAN DI MALAYSIA DAN ENAM NEGARA TERJEJAS KRISIS**

**BANGI, 7 April 2025** – Islamic Relief Malaysia (IR Malaysia) hari ini melancarkan Kempen Rezeki Qurban 2025 sebagai usaha untuk membolehkan umat Islam di Malaysia melaksanakan ibadah korban sambil membantu golongan yang memerlukan di dalam dan luar negara.

Kempen tahunan bertemakan “Zahirkan Kesyukuran” ini menawarkan peluang penyertaan ibadah korban sebanyak 737 bahagian untuk dilaksanakan di tujuh buah negara; Malaysia, Mali, Malawi, Somalia, Yaman, Syria dan Palestin (Gaza).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Siti Fadilah Mohd Hood berkata, antara golongan penerima manfaat yang akan menerima sumbangan daging korban termasuklah ibu tunggal, warga emas, anak yatim, Orang Kurang Upaya (OKU), pelarian, keluarga terjejas bencana, dan keluarga dengan bilangan isi rumah ramai.

“Melalui Kempen Rezeki Qurban, kami ingin mengajak rakyat Malaysia bukan sahaja untuk berkorban, tetapi berkongsi rezeki dan kasih sayang bersama mereka yang serba kekurangan terutama yang berada di kawasan bergolak seperti Gaza.

“Setiap tahun, penyertaan rakyat Malaysia dalam ibadah korban membantu Islamic Relief menyantuni jutaan nyawa di seluruh dunia. Tahun ini, kami komited untuk meneruskan usaha ini agar lebih ramai keluarga yang memerlukan dapat menikmati juadah daging yang mungkin hanya dapat dirasai sekali setahun,” katanya.

Tambah Siti Fadilah, setiap pek agihan daging korban mengandungi kira-kira 2 hingga 4 kilogram daging yang dijangka dapat memberi keringanan kepada keluarga penerima bagi tempoh satu minggu.

“Kebanyakan penerima manfaat ini merupakan mereka yang telah lama bergelut dalam kancah kemiskinan dan perang. Oleh itu, agihan daging korban ini sedikit sebanyak dapat memberi kebahagiaan dan membantu mereka dalam menyambut Hari Raya Aildiladha.

Pada tahun 2024, Islamic Relief di peringkat global telah berjaya melaksanakan sebanyak 192,991 penyertaan bahagian ibadah korban di 27 buah negara merentasi benua, dengan agihan 543,006 pek daging korban yang memberi manfaat kepada lebih 3,088,350 individu.

Daripada jumlah tersebut, 816 bahagian korban merupakan sumbangan rakyat Malaysia, yang dilaksanakan di Mali, Malawi, Somalia, Yaman, Syria dan Gaza, Palestin, sekali gus membolehkan lebih 4,773 individu di enam negara tersebut menikmati juadah daging korban yang amat bermakna buat mereka.

Nimco Mohamed Abdi, salah seorang penerima manfaat dari Kem Abdi Edan, Hargeisa, Somaliland, Somalia menzahirkan rasa syukur apabila terpilih menerima sumbangan pek daging korban pada tahun 2024.

“Suami saya telah meninggal dunia beberapa tahun lalu. Di kem pelarian ini, saya tinggal bersama tiga orang anak manakala empat lagi anak saya menetap bersama saudara terdekat di bandar.

“Sejak haiwan ternakan kami mati akibat kemarau, kami dah lama tak makan daging. Tak sangka, pada Hari Raya Aidiladha, Islamic Relief datang membawa kegembiraan dan senyuman kepada kami dengan memberikan kami daging korban.

“Terima kasih Islamic Relief kerana dengan sumbangan daging ini, kami berpeluang meraikan Aidiladha dengan memasak hidangan kegemaran kami.

“Rasa bimbang dan risau tentang kekurangan zat dan makanan untuk anak-anak, hilang seketika daripada fikiran saya. Sesungguhnya ini adalah satu sumbangan yang sangat bermakna buat kami,” kongsi Nimco.

Melalui Kempen Rezeki Qurban 2025, IR Malaysia menawarkan tujuh pakej penyertaan beserta Sedekah Qurban:

Negara	Harga	Jenis Haiwan
Mali	RM350	Lembu
Malawi	RM400	Lembu
Somalia	RM520	Kambing Biri-Biri/Kambing
Malaysia	RM1,100	Lembu
Yaman	RM1,200	Kambing Biri-Biri/Kambing
Syria	RM2,200	Kambing Biri-Biri
Palestin (Gaza)	RM2,800	Lembu
Sedekah Qurban	Serendah RM10	Kos Pelaksanaan & Kos Operasi

Orang ramai yang ingin menyertai Kempen Rezeki Qurban 2025 boleh mendaftar melalui laman web rasmi IR Malaysia di [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) sehingga 31 Mei 2025 atau menghubungi talian 03-8926 3434 untuk mendapatkan info lanjut.

- TAMAT -

---

## Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 sebagai tindak balas terhadap isu kebuluran di Afrika Timur. Ibu pejabat Islamic Relief terletak di Birmingham, United Kingdom. Islamic

Relief beroperasi di lebih 40 buah negara dan telah membantu lebih daripada 145 juta orang. Kini, Islamic Relief Worldwide merupakan antara salah satu badan amal dan pembangunan terbesar di dunia.

### **Mengenai Islamic Relief Malaysia**

Islamic Relief Malaysia telah beroperasi sejak 2004, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my)

---

*Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia.*

*Untuk keterangan lanjut, hubungi Sis Zafirah di talian 019-220 1788 atau e-mel ke [Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my](mailto:Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my)*